



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

JAWAPAN KEPADA TUDUHAN TIDAK BERASAS BERKAITAN TREN DMU

Merujuk tuduhan tidak berasas oleh Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (RUM), Abdul Razak Md Hassan pada 5 April 2021 berhubung tren Diesel Multiple Unit (DMU) yang disembarkan menerusi Facebooknya di pautan:

<https://www.facebook.com/100000741572602/posts/4164339250267420/?d=n>
dan

<https://www.facebook.com/100000741572602/posts/4169758686392143/?d=n>

Berikut jawapan balas bersandarkan kepada fakta sebenar :

1. Nama projek ini ialah : *Design, Manufacture, Supply, Testing and Commissioning of 13 Units of 4-Car Diesel Multiple Unit (DMU)*.
2. 13 unit DMU baharu ini adalah menggantikan lokomotif dan koc penumpang sedia ada bagi laluan Pantai Timur. Keadaan lokomotif dan koc penumpang sedia ada memerlukan kos penyelenggaraan yang terlalu tinggi dan sering berlaku kerosakan. Selain itu, *power generating car (PGC)* sedia ada tidak dapat menampung keperluan operasi setiap jajaran koc.
3. DMU yang akan menggantikan jajaran koc ini akan lebih *reliable* dan mempunyai kelajuan yang lebih tinggi sesuai dengan trek yang sedang dibaikpulihan dan yang akan siap sepenuhnya kelak. Seterusnya faedah ini akan diterima oleh rakyat di sepanjang jajaran tren Pantai Timur terutama pelajar sekolah yang menggunakan perkhidmatan secara harian.
4. Abdul Razak mempersoalkan kenapa tren DMU ini seolah-olah digunakan secara tergesa-gesa. Hakikatnya, kesemua 13 unit tren DMU telah selamat tiba dari pembekal dan amatlah janggal sekiranya ia tidak digunakan. Jabatan Audit Negara akan mempersoalkan sekiranya ia tidak digunakan sedangkan kesemua tren DMU telah pun selamat tiba dalam keadaan baik.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

5. Tidak timbul isu berkaitan tahap keselamatan komponen tangki minyak tren DMU kerana ianya sentiasa dibersihkan dan dibaiki dengan segera jika terdapat kerosakan atau kecacatan. Tangki minyak ini juga akan digantikan secara berperingkat mengikut keperluan. Ditegaskan bahawa tangki minyak tren DMU adalah selamat digunakan.
6. Manakala mengenai tahap kualiti cermin tingkap yang dibangkitkan, Kementerian Pengangkutan ingin menjelaskan bahawa ianya akan ditukar serta merta sekiranya terdapat kerosakan. Sama seperti cermin dalam kenderaan yang lain, suhunya sentiasa berubah mengikut faktor cuaca yang boleh menyebabkan ia berwap dan tiada kaitan dengan soal kualiti cermin tersebut.
7. Mengenai persepsi berkaitan depoh pula, Kementerian ingin memaklumkan bahawa terdapat beberapa fasiliti depoh penyelenggaraan DMU sedang diperingkat akhir pembinaan. Walau bagaimanapun, ianya tidak menjejaskan penyelenggaraan set DMU kerana masih terdapat depoh penyelenggaraan KTMB sedia ada lain yang boleh menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Set-set DMU yang bakal beroperasi ini adalah set-set baharu yang hanya memerlukan pemeriksaan berjadual sahaja pada masa ini dan perkara ini adalah di dalam kawalan pihak KTMB.
8. Kementerian sentiasa mendengar dan mengambil kira pandangan semua pihak, malah telah mengadakan beberapa kali perbincangan bersama pihak KTMB dalam pelbagai perkara secara menyeluruh termasuk berkaitan DMU. Kementerian dan KTMB pastinya akan melakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat dan negara.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

9. Satu laporan polis juga telah dibuat terhadap Abdul Razak bagi tindakan susulan. Kementerian Pengangkutan memandang serius tohmahan atau tuduhan tidak berasas yang bertujuan mencemarkan imej Kementerian demi kepentingan peribadi pihak tertentu.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
8 APRIL 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

